

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR  
(CAMERON HIGHLANDS)**

**TARIKH : 15 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah yang dilakukan oleh setiap Jabatan Pelajaran Negeri bagi memastikan tidak berlaku pencairan maklumat kepada pegawai pelajaran daerah, pengetua, guru besar dan guru-guru, khasnya di sekolah yang ada murid Orang Asli dan juga sekolah pedalaman.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memastikan setiap maklumat berkaitan pendidikan dan pengoperasian institusi pendidikan bawah KPM khususnya di sekolah Orang Asli dan pedalaman disampaikan dengan tepat, cepat dan efisien.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM menyalurkan maklumat melalui beberapa kaedah antaranya siaran media, media sosial, surat siaran dan surat pemakluman. Penyaluran maklumat yang perlu disampaikan dengan cepat akan dibuat melalui hebahan segera. Surat siaran dan surat pemakluman diberikan kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) yang kemudiannya dipanjangkan kepada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). Pada masa yang sama, pegawai di KPM atau JPN akan mengadakan mesyuarat dan sesi libat urus kepada pegawai pelajaran daerah, pengetua, guru besar dan guru bagi memberikan penerangan yang lebih terperinci mengenai maklumat yang dihebahkan. Pemantauan secara berkala di lapangan turut dilaksanakan oleh pegawai bagi mengenal pasti isu yang dihadapi oleh pihak sekolah dalam melaksanakan arahan, dasar dan peraturan yang dihebahkan.

KPM komited untuk memastikan semua guru mendapat akses maklumat yang terkini dalam melaksanakan pengoperasian institusi pendidikan KPM.